

SOALAN NO: 51

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Mansor Bin Othman [Nibong Tebal]

TARIKH : 29 Mac 2018 (Khamis)

SOALAN : Dato' Mansor Bin Othman [Nibong Tebal] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan perancangan dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mempertingkatkan hasil padi di DUN Sungai Acehh Parlimen Nibong Tebal.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini pengeluaran padi dalam negara adalah 71.4%. Kementerian sentiasa berusaha mencari kaedah untuk meningkatkan hasil dan mutu pengeluaran padi dan ianya tidak hanya tertumpu kepada kawasan Parlimen Nibong Tebal malah meliputi seluruh negara.

Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan hasil padi di kawasan Parlimen Nibong Tebal ialah:

- i. Kawasan tanaman padi di Parlimen Nibong Tebal telah terlibat bagi program pengurusan secara berpusat di bawah NKEA (EPP11);
- ii. memperuntukkan sebanyak RM24.5 juta bermula tahun 2016 sehingga 2018 bagi pengukuhan infrastruktur pengairan dan saluran; dan
- iii. merangka beberapa program peningkatan hasil seperti pengamalan teknologi pertanian tepat serta meningkatkan penggunaan automasi dan mekanisasi.